

gentasone cream

Gentamicin sulphate/ Betamethasone dipropionate (0.10% w/w / 0.065% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Gentasone
2. Bagaimana Gentasone berfungsi
3. Sebelum menggunakan Gentasone
4. Cara menggunakan Gentasone
5. Semasa menggunakan Gentasone
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Gentasone
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Gentasone

Ia digunakan untuk rawatan inflamasi kulit akibat daripada jangkitan bakteria.

Bagaimana Gentasone berfungsi

Gentamicin sulphate ialah sejenis antibiotik yang berkesan untuk pelbagai bakteria, termasuk jenis yang bernama *Staphylococcus*, *Streptococcus*, *Pseudomonas*, *Proteus vulgaris*, *E-coli*, *Aerobacter aerogenes*, *Klebsiella pneumoniae* dan *coliform bacilli*. Betamethasone dipropionate melegakan keadaan gatal dan inflamasi.

Sebelum menggunakan Gentasone

- Bila tidak boleh menggunakan

Jika mempunyai alahan terhadap gentamicin sulphate, betamethasone dipropionate atau komponen berkaitan, *vaccinia*, *varicella* dan *tuberculosis* kulit atau ramuan lain Gentasone.

- Sebelum menggunakan Gentasone

Penggunaan gentamicin berlebihan atau jangka masa panjang boleh mengakibatkan pertumbuhan berlebihan kulat dan bakteria lain pada luka. Ia boleh menyebabkan sensitasi kulit, dan mengakibatkan reaksi alahan dengan penggunaan berterusan krim ini. Berhati-hati apabila digunakan pada kanak-kanak berumur kurang daripada 4 tahun kerana ia boleh mengakibatkan tumbesaran terbantut apabila penggunaan berpanjangan. Jadi, elakkan penggunaan berpanjangan dalam kanak-kanak dan pada muka.

Cara menggunakan Gentasone

- Berapa banyak harus digunakan

Sapu pada bahagian berkenaan dua kali sehari atau kurang.

- Bila perlu digunakan

Sentiasa gunakan Gentasone mengikut arahan doktor anda. Anda perlu semak dengan doktor atau ahli farmasi anda jika tidak pasti.

- Berapa lama perlu digunakan

Anda perlu semak dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Gunakan sebaik sahaja anda teringat.

- Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Jika guna berlebihan, hubungi doktor anda, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

Penggunaan berlebihan Gentasone boleh menyebabkan sindrom Cushing, luka dijangkiti oleh kulat atau bakteria yang lain.

Semasa menggunakan Gentasone

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang anda sedang ambil.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan memberi ubat ini kepada sesiapa walaupun tanda-tanda penyakit mereka serupa, kerana mungkin mendatangkan mudarat.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jikalau anda hamil, menjadi hamil atau menyusukan anak semasa rawatan, anda tidak patut mengambil Gentasone kecuali dengan arahan doktor. Doktor akan mempertimbangkan manfaat dan risiko rawatan ini atas anda dan bayi.

Kesan-sesan sampingan

Tanda alahan seperti kemerahan, bengkak, kegatalan atau iritasi yang tidak kelihatan sebelum rawatan.

Apabila disapu pada bahagian luka yang luas atau dengan balutan, betamethasone dipropionate mungkin diserap dengan banyak dan memberi kesan sistemik.

Penggunaan berpanjangan merosakkan kulit, *striiae* (regangan kulit) dan jangkitan semula mungkin berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web

npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Gentasone

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, di bawah 30°C. Jauhkan daripada cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang tidak diperlukan.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim berwarna putih.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: gentamicin sulphate dan betamethasone dipropionate
- Bahan bukan aktif: *liquid paraffin*, *cetomacrogol emulsifying wax*, *white soft paraffin*, *chlorocresol*, *sodium citrate*, *citric acid*, *medium chain triglyceride* dan air.

- Nombor MAL:

MAL20001295AZ

Pengilang dan Pemegang pendaftaran keluaran

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

09/10/2017

Nombor siri

NPRA(R4/1)051017/00264